

## Pemilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Masyarakat Cina Peranakan Tirok, Kuala Terengganu

*Language Choice in the Family Domain of the Chinese Peranakan Community in Tirok, Kuala Terengganu*

UMMI AIMAN ZAHIMI<sup>1</sup> & WAN ROBIAH MEOR OSMAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Penulis Koresponden: [mowrobiah@ukm.edu.my](mailto:mowrobiah@ukm.edu.my)

Received: 24 September 2025; Accepted: 15 October 2025

### ABSTRAK

Masyarakat Cina Peranakan merupakan kumpulan etnik minoriti yang menetap di Kampung Tirok, Kuala Terengganu. Komuniti ini terkenal dengan keunikan budaya serta warisan linguistik hasil perkahwinan campur antara imigran Cina dan wanita tempatan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti corak pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Cina Peranakan Tirok. Pendekatan campuran kualitatif dan kuantitatif digunakan melalui tiga instrumen utama, iaitu soal selidik, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian turut serta. Akibat faktor migrasi dan perkahwinan campur berlaku penyusutan jumlah penduduk. Oleh itu, kini di Kampung Tirok hanya terdapat tujuh buah keluarga Cina Peranakan yang masih menetap di kawasan tersebut. Seramai 15 orang responden daripada tujuh buah keluarga tersebut telah dipilih bagi mewakili pelbagai generasi dan kedudukan dalam struktur keluarga untuk memastikan kepelbagaian pandangan dapat diperolehi. Kajian ini berasaskan Kerangka Fishman (1972) yang menekankan hubungan antara bahasa, domain penggunaan dan identiti sosial. Dapatan menunjukkan bahawa Bahasa Hokkien (BH) kekal sebagai bahasa dominan dalam interaksi kekeluargaan dalam ketiga-tiga lingkungan generasi. Namun begitu, Dialek Melayu Terengganu (DMT) dan Bahasa Mandarin (BM) turut digunakan secara campuran dalam situasi tertentu. Fenomena percampuran kod ini dipengaruhi oleh konteks perbualan, jurang generasi dan latar pendidikan penutur. Secara keseluruhan, pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Cina Peranakan Tirok didapati berkait rapat dengan faktor sosial dan budaya, faktor konteks dan situasi, serta faktor pengaruh luaran dan dalaman.

Kata kunci: domain kekeluargaan; Cina Peranakan; pemilihan bahasa; Kerangka Fishman

### ABSTRACT

The Peranakan Chinese community is a minority ethnic group residing in Kampung Tirok, Kuala Terengganu. This community is well known for its unique cultural identity and linguistic heritage resulting from intermarriage between Chinese immigrants and local Malay women. This study aims to examine patterns of language choice within the family domain among the Peranakan Chinese community of Tirok. A mixed-methods approach was employed, incorporating three main instruments: questionnaires, semi-structured interviews, and participant observation. Due to migration and intermarriage, the population of this community has declined significantly. Consequently, only seven Peranakan Chinese families currently reside in Kampung Tirok. A total of 15 respondents from these seven families were selected to represent different generations and family positions, ensuring a diversity of perspectives. This study is based on Fishman's (1972) Framework, which emphasizes the relationship between language, domains of use, and social identity. Findings indicate that Hokkien (BH) remains the dominant language in family interactions across all three generational

levels. However, the Terengganu Malay Dialect (DMT) and Mandarin (BM) are also used in certain mixed-language situations. The phenomenon of code-mixing is influenced by conversational context, generational gaps, and speakers' educational backgrounds. Overall, language choice within the family domain of the Peranakan Chinese community in Tirok is closely related to social and cultural factors, contextual and situational factors, as well as internal and external influences.

*Keywords: Family domain; Chinese Peranakan; language choice; Fishman's Framework*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikenali dengan kompleksiti budaya dan sosial kerana mempunyai kepelbagaian bahasa dalam sesebuah masyarakat. Salah satu komuniti yang menarik perhatian dalam konteks penggunaan bahasa ialah masyarakat Cina Peranakan atau turut dikenali sebagai "Baba Nyonya" di Malaysia (Tan Chee Beng 1993). Hal ini demikian kerana, masyarakat Cina Peranakan merupakan golongan subetnik yang terkenal dengan keunikannya tersendiri di Malaysia. Masyarakat Cina Peranakan ini lahir melalui proses kahwin campur yang terjadi antara imigran Cina lelaki dengan wanita Melayu tempatan (Tan Chee Beng 2000, 49).

Proses kahwin campur ini mula berlaku akibat kekurangan jumlah imigran Cina wanita berbanding imigran Cina lelaki yang datang ke Tanah Melayu sekitar abad ke-19 (Teo Kok Seong 2003: 4). Justeru itu, berlakunya proses akulturasi dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan melalui perkahwinan campur antara wanita Melayu dan imigran Cina (Tan Chee Beng 2010, 28). Menurut Eugenion M. Rothe et al. 2010), akulturasi merujuk kepada proses yang terjadi apabila dua golongan berbeza ciri budayanya berinteraksi dan hasil interaksi tersebut telah mengubah budaya salah satu atau kedua-dua etnik tersebut. Kenyataan ini selari dengan pendapat Marger (2003) iaitu akulturasi merujuk kepada penerimaan ciri-ciri budaya golongan dominan oleh golongan minoriti dan menjadikan kedua golongan ini mirip secara budaya. Salah satu aspek yang dipengaruhi proses akulturasi ialah aspek bahasa iaitu etnik minoriti akan menyerap dan memperlihatkan identiti masyarakat dominan yang tinggal di sekeliling. Oleh itu, bagi masyarakat Cina Peranakan Tirok yang dikelilingi masyarakat Melayu. Proses kahwin campur ini mula berlaku akibat kekurangan jumlah imigran Cina wanita berbanding imigran Cina lelaki yang datang ke Tanah Melayu sekitar abad ke-19 (Teo Kok Seong

2003, 4). Justeru itu, berlakunya proses akulturasi dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan melalui perkahwinan campur antara wanita Melayu dan imigran Cina (Tan Chee Beng 2010, 28).

Salah satu aspek yang dipengaruhi proses akulturasi ialah aspek bahasa iaitu etnik minoriti akan menyerap dan memperlihatkan identiti masyarakat dominan yang tinggal di sekeliling. Oleh itu, bagi masyarakat Cina Peranakan Tirok yang dikelilingi masyarakat Melayu sangat fasih dalam menuturkan bahasa Melayu dialek Terengganu malahan kefasihan mereka boleh dikatakan setanding dengan penutur asli dialek tersebut lebih-lebih lagi generasi tua (Tan Yao Sua & Kamarudin Ngah 2012, 42). Namun begitu, walaupun masyarakat Cina Peranakan Tirok fasih dalam menuturkan dialek Melayu Terengganu, mereka masih lagi mengekalkan penggunaan dialek Hokkien yang merupakan bahasa nenek moyang mereka sebagai bahasa keluarga dan bahasa komuniti mereka (Tan Yao Sua & Kamarudin Ngah 2012, 59).

Kepelbagaian dialek yang digunakan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan Tirok menimbulkan fenomena pemilihan bahasa yang menarik untuk dikaji melalui perspektif sosiolinguistik. Hal ini demikian kerana, isu pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat ini bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor kebahasaan, malahan turut berkait rapat dengan unsur identiti etnik, konteks situasi, perbezaan generasi, serta hubungan sosial dalam komuniti tersebut. Oleh yang demikian, kajian terhadap fenomena ini penting bagi memahami corak penggunaan bahasa serta dinamik interaksi linguistik dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan di Tirok. Dalam kajian linguistik, pemilihan bahasa merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh individu atau golongan untuk memilih bahasa atau dialek tertentu mengikut keperluan dan konteks sosial yang berbeza (Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong 2016). Proses pemilihan bahasa dalam sesebuah masyarakat bukan hanya dipengaruhi oleh keperluan praktikal,

tetapi juga dipengaruhi oleh faktor sosial, budaya dan ekonomi yang kompleks. Selain itu, terdapat faktor lain seperti hubungan antara etnik, identiti etnik, demografi, tujuan komunikasi dan lain-lain yang turut mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti (Sa'adiah Mat Alip 2014).

Kajian ini memberi fokus utama kepada pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Cina Peranakan. Signifikansi kajian ini adalah dapat memberikan gambaran jelas mengenai perubahan dan adaptasi penggunaan masa dalam kalangan generasi muda dan generasi tua dalam masyarakat minoriti ini. Hal ini demikian kerana, menurut Tan Yao Sua dan Kamarudin Ngah (2012, 3) disebabkan pendedahan kepada faktor-faktor sosiobudaya baru, identiti Melayu generasi muda Cina Peranakan semakin terhakis. Pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti merupakan suatu perkara yang wajar kerana proses ini menjadikan interaksi dan hubungan antara masyarakat lebih mudah. Namun begitu, menurut Kamaruddin Isayah (2019), proses pemilihan bahasa bukan dilakukan secara rawak malahan proses ini terjadi berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti siapa yang bertutur, kepada siapa dan tentang apa bergantung kepada konteks penggunaan bahasa tersebut. Pendapat tersebut juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Khairul Ashraaf Saari dan Harishon Radzi (2023) yang menyimpulkan tiga faktor utama pemilihan bahasa seperti faktor sosial dan budaya, faktor pengaruh diri dan luaran serta faktor konteks dan situasi.

Berdasarkan faktor tersebut, Fishman (1972) telah memperkenalkan konsep domain untuk menganalisis bidang kajian pemilihan bahasa. Fishman (1972:20) mendefinisikan domain sebagai:

*“Domains can be defined in terms of institutional contexts—such as family, friendship, religion, education, and employment—each of which is associated with a typical constellation of interlocutors, topics, and settings.”*

Konsep domain ini diperkenalkan bagi memberikan gambaran jelas mengenai perubahan dan adaptasi dalam komunikasi yang melibatkan individu atau masyarakat dwibahasa tergantung kepada faktor yang memacu kepada pemilihan bahasa tersebut. Sebagai contoh, bagi masyarakat Cina Peranakan yang boleh bertutur dalam dialek Melayu Terengganu dan dialek Cina Hokkien akan cenderung untuk memilih satu bahasa antara keduanya semasa berinteraksi dalam percakapan

harian bergantung kepada dengan siapa interaksi itu berlaku. Oleh itu, berdasarkan penggunaan bahasa dalam masyarakat dwibahasa dan ekabahasa yang dinyatakan, kajian ini akan memfokuskan kepada pemilihan bahasa dalam masyarakat tersebut, khususnya dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan minoriti di Kampung Tirok.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Komuniti Cina Peranakan di Malaysia, termasuk di Kampung Tirok, Terengganu merupakan kumpulan etnik minoriti yang mempunyai warisan budaya dan linguistik yang unik. Mereka mewakili satu bentuk perpaduan budaya antara warisan Cina dan Melayu, bukan sahaja dari segi adat dan tradisi, tetapi juga dalam bentuk linguistik melalui penggunaan bahasa Peranakan yang memadukan elemen Hokkien, Melayu dan kadangkala Inggeris. Walau bagaimanapun, pada hari ini kelangsungan bahasa Peranakan ini semakin terancam akibat peralihan generasi, tekanan sosial, sistem pendidikan yang tidak menyokong bahasa warisan, serta kekurangan penyelidikan empirikal yang meneliti corak dan faktor pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti ini. Oleh itu, permasalahan kajian ini memfokuskan kepada tiga isu utama yang berkait rapat; (1) kelompangan bahasa antara generasi; (2) pengaruh faktor sosial dan pendidikan terhadap pemilihan bahasa; dan (3) kekurangan kajian empirikal mengenai corak penggunaan bahasa Cina Peranakan di kawasan pantai timur seperti Terengganu.

Kelompangan bahasa merujuk kepada jurang kefahaman atau penggunaan bahasa antara dua kumpulan generasi, biasanya antara generasi lama yang masih fasih dalam bahasa warisan, dan generasi muda yang semakin mengabaikan bahasa tersebut. Dalam konteks masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tirok, fenomena ini timbul apabila generasi muda tidak lagi menggunakan atau memahami bahasa Peranakan (seperti Baba Hokkien atau campuran Melayu- Cina yang khas) dan lebih cenderung untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu standard atau bahasa Inggeris. Fenomena ini turut dijelaskan oleh Iskandar Hasan Tan Abdullah (2022), yang menyatakan bahawa proses asimilasi budaya dan perkahwinan campur antara masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat Melayu dan India telah menyebabkan pengurangan penggunaan bahasa warisan mereka. Generasi muda kini lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu moden dan bahasa Inggeris, menyebabkan bahasa Cina

Peranakan semakin pupus. Oleh itu, globalisasi sistem pendidikan moden dan perubahan sosial telah memberikan kesan langsung terhadap pola pemilihan bahasa masyarakat Cina Peranakan sekali gus menjadikan bahasa warisan mereka semakin terpinggir.

Dalam hal ini, bahasa Cina Peranakan bukan sahaja mengalami kemerosotan dalam penggunaan, malah berdepan risiko pupus apabila tidak lagi diwarisi oleh generasi seterusnya. Menurut Asmah Haji Omar (1986), proses penurunan bahasa daripada ibu bapa kepada anak-anak adalah asas kepada kelangsungan sesuatu bahasa. Jika generasi muda tidak lagi menggunakan bahasa warisan dalam kehidupan seharian, maka bahasa tersebut berisiko tinggi untuk pupus. Jika sesuatu bahasa tidak lagi dituturkan secara aktif dalam kalangan keluarga, maka kemungkinan untuk ia terus hidup adalah sangat rendah. Tambahan pula, generasi muda sering menganggap bahasa Peranakan sebagai bahasa “lama”, tidak moden, dan tidak praktikal dalam konteks kehidupan masa kini. Hal ini mempercepatkan proses kehilangan bahasa (*language attrition*) dalam komuniti tersebut.

Seterusnya, pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan turut dipengaruhi oleh faktor sosial dan pendidikan. Sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia memberi penekanan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Inggeris sebagai bahasa ilmu. Keadaan ini menyukarkan bahasa-bahasa minoriti seperti Peranakan untuk mendapat ruang dalam kurikulum formal. Justeru, pelajar Cina Peranakan di Kampung Tirok lebih terdedah kepada dua bahasa utama negara, dan ini mengurangkan peluang mereka untuk mempelajari dan menguasai bahasa ibunda mereka. Menurut Shahrul Afzan dan Abdul Halim (2024), sistem pendidikan negara tidak memberi ruang kepada bahasa etnik minoriti untuk berkembang, sekali gus menyebabkan pelajar dari komuniti tersebut lebih cenderung memilih bahasa kebangsaan demi kelangsungan akademik dan sosial. Tambahan pula, dari sudut sosial, interaksi antara kaum serta tekanan untuk menyesuaikan diri dengan komuniti majoriti menyebabkan masyarakat Cina Peranakan lebih memilih bahasa Melayu dalam perbualan harian mereka.

Satu lagi permasalahan utama yang menghambat pemahaman lebih mendalam mengenai isu linguistik komuniti Cina Peranakan ialah kekurangan kajian ilmiah yang secara khusus memberi fokus kepada pemilihan bahasa dalam kehidupan harian mereka

di Malaysia. Meskipun komuniti Cina Peranakan merupakan kelompok etnolinguistik yang unik dan signifikan dari segi sejarah, budaya dan identiti, kajian berkaitan corak pemilihan bahasa mereka masih sangat terhad, khususnya dalam konteks tempatan seperti di Terengganu. Kebanyakan kajian linguistik sosiobudaya di Malaysia tertumpu kepada kumpulan etnik majoriti atau kumpulan minoriti yang lebih besar seperti Melayu, Cina (dialek utama), dan India, manakala komuniti Cina Peranakan yang kecil tidak menerima perhatian setimpal daripada pengkaji.

Kajian oleh Tan Chee Beng (2009) menyatakan bahawa “penyelidikan terhadap komuniti Baba dan Nyonya di Malaysia lebih banyak menumpukan kepada aspek budaya dan warisan, manakala kajian linguistik, khususnya berkaitan pemilihan bahasa dan peralihan bahasa masih tidak mencukupi”. Tambah beliau lagi, dokumentasi tentang bahasa Cina Peranakan juga amat jarang dan sebahagian besarnya berbentuk naratif sejarah atau etnografi, bukan kajian kuantitatif atau kualitatif yang dapat menjelaskan pola penggunaan bahasa secara sistematik.

Kekurangan ini menyebabkan wujudnya jurang ilmu yang besar, khususnya dalam memahami cara masyarakat Cina Peranakan memilih dan menggunakan bahasa dalam pelbagai domain seperti keluarga, pendidikan, sosial dan agama. Tanpa data empirikal yang kukuh, sukar untuk merumuskan dasar pemeliharaan bahasa atau program intervensi yang berkesan. Sebagai contoh, dalam semakan artikel jurnal oleh Pue Giok Hun (2015), hanya terdapat kurang daripada lima kajian utama yang menyentuh tentang bahasa Cina Peranakan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh sedekad terakhir. Malah, majoriti kajian ini berfokus kepada komuniti Baba Nyonya di Melaka dan Pulau Pinang, manakala kawasan pantai timur seperti Terengganu masih belum banyak diteroka. Keadaan ini memburukkan lagi tahap pemahaman tentang variasi dialek dan amalan linguistik tempatan yang mungkin berbeza daripada kelompok Cina Peranakan di negeri lain.

Secara keseluruhan, permasalahan kajian ini berpunca daripada tiga isu utama yang saling berkaitan: kelompangan bahasa antara generasi, pengaruh faktor sosial dan pendidikan, serta kekurangan kajian empirikal. Masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tirok berhadapan dengan risiko kehilangan bahasa warisan akibat kurangnya penggunaan dalam kalangan generasi muda, tekanan

sistem pendidikan yang tidak menyokong bahasa minoriti, dan tiadanya dokumentasi linguistik yang menyeluruh. Jika tiada tindakan diambil, bahasa Cina Peranakan berisiko pupus bersama-sama dengan warisan budaya yang menjadi identiti komuniti tersebut. Kajian ini diharap dapat mengisi kekosongan dalam literatur sosiolinguistik Malaysia dengan menambah pemahaman tentang dinamika penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi asas kepada pihak berwajib dalam merangka langkah-langkah perlindungan bahasa warisan secara lebih sistematik, termasuk melalui pengenalan bahan pembelajaran, penyertaan dalam kurikulum sekolah, serta kempen kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara bahasa sebagai sebahagian daripada identiti etnik dan nasional.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini hanya memfokuskan domain kekeluargaan dalam Teori Domain Fishman 1972. Terdapat dua objektif bagi kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti pilihan bahasa yang digunakan dalam percakapan harian masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tirok, Terengganu.
2. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa yang digunakan dalam percakapan harian masyarakat Cina di Kampung Tirok, Terengganu.

#### SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu memberi tumpuan kepada gaya masyarakat minoriti mengekalkan bahasa ibunda mereka dalam pelbagai domain kehidupan seharian. Terdapat lebih kurang 41 kajian lepas yang telah dijadikan sebagai bahan rujukan pengkaji yang mencakupi bidang kajian masyarakat Cina Peranakan dan kajian pemilihan bahasa secara umum. Namun begitu, hasil penelitian kajian lepas menunjukkan bahawa kajian pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan masih belum diterokai lagi. Oleh itu, pengkaji telah memilih 12 kajian lepas yang signifikan bagi menjadi pemacu kepada kajian yang dilaksanakan. Kesemua 12 kajian ini menggunakan Kerangka Fishman (1972) sebagai sandaran kajian.

Kajian-kajian tersebut ialah kajian terhadap masyarakat Chetti di Melaka oleh Rahillah Omar, Nasrun Alias dan Teo Kok Seong (2016),

masyarakat Cham Malaysia oleh Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi (2020), masyarakat orang Asli Che Wong oleh Sa'adiah Ma'alip (2014), masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor oleh Riduan Makhtar, Siti Aisah binti Zailani dan Abd Ganing Laengkang (2019), komuniti Penan Muslim di Sarawak oleh Chong Shin, Hendrikus Mangku & James T. Collins (2018), komuniti Bugis oleh Saidah binti Ismail (2009), masyarakat Siam, Kedah oleh Muhamad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman dan Nor Fazila Ab Hamid (2024) dan masyarakat orang Asli Jahut di Jerantut, Pahang oleh Burhan Murshidi et al. (2023). Selain itu, kajian terhadap masyarakat Melayu Saribas di Sarawak oleh Reduan bin Abang Amir (2015) masyarakat Orang Asli di Kok Lanas oleh Khairul Ashraaf Saari dan Harishon Radzi (2023), masyarakat Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah oleh Nurul Atikah Binti Marshid dan Sa'adiah M'alip (2018) dan kajian terhadap anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun oleh Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2023).

Kajian oleh Muhamad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Meor Osman dan Nor Fazila Ab Hamid (2024) meneliti pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Siam di Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah. Fokus utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk variasi bahasa yang digunakan dalam interaksi kekeluargaan serta faktor yang mempengaruhi pilihan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk etnografi bahasa. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan rakaman audio terhadap perbualan keluarga penutur jati. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kod-ganti dan kod-gabungan antara bahasa Siam dan dialek Kedah berlaku secara meluas. Bahasa Siam digunakan secara dominan dalam kalangan ahli keluarga terdekat, manakala dialek Kedah lebih menonjol dalam interaksi luar keluarga. Penulis menyimpulkan bahawa pilihan bahasa dalam komuniti ini dipengaruhi oleh faktor identiti etnik, kedudukan sosial dan persekitaran linguistik. Kajian ini juga menegaskan pentingnya peranan keluarga dalam usaha pemeliharaan bahasa warisan, terutamanya dalam kalangan komuniti minoriti yang berdepan tekanan bahasa dominan.

Sementara itu, Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2023) menjalankan kajian terhadap anak-anak hasil perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Orang

Asli Jakun. Kajian ini meneliti penggunaan bahasa dalam konteks keluarga dwibahasa, serta bagaimana interaksi antara bahasa ibunda dan Bahasa Melayu membentuk identiti linguistik generasi muda. Pendekatan kualitatif digunakan dengan pengumpulan data melalui temu bual mendalam dan pemerhatian tidak formal. Dapatan menunjukkan bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa dominan dalam komunikasi seharian anak-anak hasil perkahwinan campur, manakala bahasa Jakun digunakan secara terhad kepada interaksi dengan ahli keluarga yang lebih tua. Faktor seperti keinginan untuk menyesuaikan diri, status bahasa dan tahap kefasihan turut mempengaruhi pemilihan bahasa. Kajian ini menegaskan bahawa perkahwinan campur memainkan peranan penting dalam peralihan dan perubahan corak penggunaan bahasa dalam komuniti minoriti.

Kajian oleh Khairul Ashraaf Saari dan Harishon Radzi (2023) meneliti penggunaan dan pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kok Lanas, Kelantan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bahasa utama yang digunakan dalam domain kekeluargaan dan sosial, serta meneliti faktor yang mendorong peralihan bahasa daripada bahasa ibunda kepada Bahasa Melayu. Menggunakan pendekatan kualitatif, data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa Bahasa Melayu semakin dominan, manakala bahasa etnik Orang Asli semakin jarang digunakan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Faktor seperti perkahwinan campur, pendidikan formal dan pengaruh media massa dikenal pasti sebagai punca utama kepada perubahan ini. Kajian ini menekankan keperluan pemuliharaan bahasa ibunda bagi memastikan kesinambungan warisan linguistik masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, kajian oleh Nur Faaizah binti Md Adam dan Mohd Sharifudin Yusop (2020) meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Jahut di Pahang dengan menumpukan kepada corak penggunaan bahasa, faktor sosiobudaya dan tahap kelestarian bahasa ibunda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian turut serta dan rakaman interaksi penutur jati bagi meneliti penggunaan Bahasa Jahut berbanding Bahasa Melayu dalam pelbagai domain komunikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Bahasa Jahut semakin terpinggir, khususnya dalam kalangan generasi muda, manakala Bahasa Melayu menjadi bahasa

dominan dalam komunikasi seharian. Fenomena ini dipengaruhi oleh faktor pendidikan, persekitaran sosial, dan tekanan bahasa majoriti. Penulis menegaskan bahawa peranan keluarga amat penting dalam memelihara kesinambungan bahasa warisan agar tidak pupus.

Di samping itu, kajian oleh Nurul Atikah binti Marshid dan Sa'adiyah M'alip (2018) pula meneliti fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. Fokus kajian adalah terhadap pola penggunaan bahasa dalam domain keluarga dan masyarakat, serta bagaimana identiti etnik dan interaksi sosial mempengaruhi pilihan bahasa. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiolinguistik kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian turut serta. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Siam masih digunakan secara aktif dalam kalangan generasi tua, namun Bahasa Melayu semakin menjadi pilihan utama dalam kalangan generasi muda disebabkan faktor pendidikan, pekerjaan dan sosialisasi dengan masyarakat majoriti. Kajian ini turut menunjukkan bahawa peranan keluarga dan komuniti sangat penting dalam mengekalkan identiti linguistik masyarakat Siam Peranakan.

Lima kajian lepas ini menunjukkan pola penyelidikan yang menumpukan kepada isu pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti di Malaysia, khususnya dalam domain kekeluargaan. Kesemua kajian memperlihatkan bahawa faktor identiti etnik, pendidikan, persekitaran sosial dan perkahwinan campur mempengaruhi corak penggunaan serta peralihan bahasa antara generasi. Dari segi persamaan, semua kajian menggunakan pendekatan sosiolinguistik dengan kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian turut serta, serta menekankan kepentingan keluarga dalam memelihara bahasa warisan. Selain itu, kesemua kajian lepas, termasuk kajian ini, mengaplikasikan Teori Analisis Domain Fishman (1972) sebagai asas analisis. Namun, perbezaan utama terletak pada lokasi, kumpulan etnik yang dikaji dan reka bentuk penyelidikan. Lima kajian lepas menggunakan pendekatan kualitatif, manakala kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memperoleh data yang lebih menyeluruh. Kajian ini memberikan sumbangan baharu melalui fokus terhadap masyarakat Cina Peranakan Terengganu yang masih kurang diteroka dalam penyelidikan sosiolinguistik tempatan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran kualitatif dan kuantitatif, selaras dengan sifat kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis corak pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan di Kampung Tirok, Terengganu. Pendekatan campuran kualitatif dan kuantitatif ini membolehkan penyelidik memperoleh gambaran menyeluruh tentang fenomena bahasa yang berlaku dalam komuniti tersebut, terutamanya dalam konteks penggunaan bahasa merentas pelbagai domain sosial. Reka bentuk ini dipilih berdasarkan justifikasi yang dikemukakan oleh Sabitha Marican (2009), yang menegaskan bahawa kajian deskriptif sesuai digunakan untuk meneroka dan menggambarkan fenomena sosial yang berlaku secara semula jadi tanpa sebarang manipulasi pemboleh ubah.

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibina berdasarkan kerangka domain oleh Fishman (1972). Fishman memperkenalkan konsep domain sebagai konteks sosial tertentu yang mempengaruhi pemilihan bahasa seseorang individu, seperti domain kekeluargaan, pendidikan, kejiwaan, persahabatan dan lain. Soal selidik dalam kajian memfokuskan kepada domain kekeluargaan sahaja. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden telah dirangka dan diubah suai daripada kajian Nurul Adila Zulkipli dan Sa'adiah Mat Alip (2021) bagi bahagian pemilihan bahasa, manakala bahagian faktor pemilihan bahasa diadaptasi daripada kajian Khairul Ashraaf Saari dan Harishon Radzi (2023). Soal selidik kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu A, B, C dan D. Bahagian A merupakan data demografi responden, bahagian B pula berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa responden, manakala bahagian C merupakan bahagian pemilihan bahasa domain kekeluargaan Fishman (1972) dan bahagian D merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden.

Instrumen kedua iaitu kaedah temu bual turut digunakan bagi memperoleh data kajian. Di Kampung Tirok kini hanya terdapat tujuh buah keluarga Cina Peranakan yang masih menetap di kawasan tersebut, berikutan jumlah masyarakat ini yang semakin berkurangan. Daripada tujuh buah keluarga ini, pengkaji telah memperoleh 15 orang responden yang mewakili pelbagai latar umur dan kedudukan dalam struktur keluarga. Temu bual dijalankan terhadap seorang informan utama yang juga merupakan ahli komuniti Cina Peranakan

Tirok bagi mendapatkan maklumat umum tentang keluarga Cina Peranakan yang masih tinggal di kampung tersebut. Seterusnya, temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap 15 orang responden terpilih bagi menggali pengalaman, sikap, dan justifikasi mereka terhadap pemilihan bahasa dalam konteks kekeluargaan. Panduan temu bual berbentuk soalan terbuka dibina berdasarkan tema seperti latar belakang linguistik, pengaruh generasi, keutamaan bahasa, dan pandangan terhadap bahasa warisan. Walaupun bersifat terbuka, penemubual tetap memandu perbincangan bagi memastikan perbualan tidak menyimpang daripada objektif kajian. Jumlah responden yang terhad ini selari dengan contoh kajian oleh Nurul Jannah Hussin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2023) yang melibatkan lima buah keluarga dengan 12 orang responden, menunjukkan bahawa kajian terhadap komuniti minoriti sering melibatkan saiz sampel kecil namun kaya dengan data kualitatif yang mendalam.

Selain itu, kajian kepustakaan juga merupakan satu kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai sesuatu kajian berdasarkan kajian-kajian lepas dan dokumen yang telah diterbitkan. Kajian kepustakaan merupakan kaedah penting dalam penyelidikan sosial dan linguistik bagi memperoleh data sekunder yang menyokong kerangka teori dan latar belakang kajian (Mohd Shaffie 1991; Sabitha Marican 2009). Dalam kajian ini, penyelidik merujuk pelbagai sumber terdahulu untuk meneliti isu pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan, terutamanya dalam domain kekeluargaan. Sorotan literatur menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti etnik minoriti sering berkait rapat dengan usaha mengekalkan identiti budaya dan warisan. Fishman (1992) melalui Teori Analisis Domain, menegaskan bahawa domain keluarga memainkan peranan penting dalam pemindahan bahasa antara generasi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa responden kajian, iaitu masyarakat Cina Peranakan Tirok di Kuala Terengganu ini fasih berbahasa Hokkien (BH). Berdasarkan Jadual 1 yang didapati daripada 15 orang responden, terdapat 11 orang responden yang menguasai BH dengan baik, sementara empat orang responden lagi dalam kategori kurang fasih. Seterusnya, bagi kategori BMS pula, lima orang responden menguasai bahasa Melayu Standard (BMS) dengan baik, manakala

enam orang responden berada dalam kategori fasih dan empat responden lagi kurang fasih dalam BMS. Bagi penguasaan dialek Melayu Terengganu (DMT), 10 orang responden menguasai dialek tersebut dengan sangat fasih, namun lima orang responden lagi berada dalam kategori fasih dan kurang fasih dalam DMT. Hal sebaliknya berlaku kepada bahasa Inggeris (BI), kerana 11 orang responden berada

dalam kategori penguasaan bahasa sangat tidak fasih, tidak fasih dan kurang fasih, manakala empat responden lagi menguasai Bahasa Inggeris dengan sangat fasih. Sementara itu, bagi Bahasa Mandarin (BM) hanya tiga orang responden sahaja yang menguasai BM dengan fasih dan 12 orang responden lagi berada dalam kategori kurang fasih, tidak fasih dan sangat tidak fasih.

JADUAL 1. Tahap Penguasaan Bahasa

Bahasa	Skala					Jumlah Responden
	1 Sangat Tidak Fasih	2 Tidak Fasih	3 Kurang Fasih	4 Fasih	5 Sangat Fasih	
	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.
BH	-	-	4	-	11	15
BMS	-	-	4	6	5	15
DMT	-	-	3	2	10	15
BI	4	2	5	4	-	15
BM	3	4	5	3	-	15
Bahasa /dialek lain	-	-	2	-	2	4

Kajian juga mendapati terdapat bahasa atau dialek lain yang dikuasai oleh responden antaranya ialah dialek Melayu Kelantan (DMK) dan dialek Siam (DS). Terdapat dua responden yang mengatakan mereka sangat fasih dalam DMK dan DS kerana mereka berasal daripada negeri Kelantan yang mempunyai pengaruh bahasa DMK serta DS. Oleh itu, walaupun mereka sudah tinggal di Kuala Terengganu, penggunaan kedua-dua dialek masih aktif digunakan dalam kalangan adik-beradik yang turut sama tinggal di daerah tersebut. Selain itu, terdapat dua responden yang menyatakan kurang fasih dalam kedua-dua dialek tersebut. Hal ini demikian kerana, mereka hanya mendengar kedua-dua dialek ini secara tidak langsung oleh ibu bapa dan keluarga mentua.

#### DOMAIN KEKELUARGAAN

Domain kekeluargaan merupakan salah satu domain terpenting dalam kajian sosiolinguistik, kerana ia menjadi asas utama dalam pewarisan dan pekekalan bahasa warisan. Menurut Fishman (1991), keluarga adalah domain paling kritikal dalam proses pemindahan bahasa antara generasi, dan kegagalan mengekalkan bahasa dalam konteks kekeluargaan akan mempercepatkan peralihan kepada bahasa dominan. Dalam konteks masyarakat Cina Peranakan, pemilihan bahasa dalam interaksi keluarga bukan sahaja dipengaruhi oleh kefasihan dan keselesaan, tetapi juga oleh keinginan mengekalkan identiti etnik dan budaya turun-temurun (David & Naji 2000). Oleh itu, kajian terhadap domain kekeluargaan ini penting untuk memahami corak linguistik dan dinamika penggunaan bahasa dalam ruang peribadi yang paling berpengaruh terhadap pembentukan identiti komuniti.



## LINGKUNGAN PERTAMA KEKELUARGAAN

JADUAL 2. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Pertama

Bahasa	Domain Kekeluargaan Peringkat Pertama			
	Bapa	Ibu	Pasangan	Anak
BH	13	13	8	8
BMS	0	0	0	0
DMT	12	12	5	5
BI	0	0	0	0
BM	2	2	0	3
DMT+BH	3	3	5	5
BH+BM	1	1	2	2
DMT+BI	0	0	0	0
BMS+BI	0	0	0	1
BM+BI	1	1	0	0

Berdasarkan Jadual 2 yang memaparkan pemilihan bahasa dalam domain keluarga bagi lingkungan pertama (bapa, ibu, pasangan dan anak), dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai variasi bahasa yang digunakan dalam interaksi kekeluargaan. Namun begitu, beberapa bahasa menunjukkan dominasi yang lebih ketara berbanding yang lain, bergantung kepada kategori ahli keluarga yang terlibat. Pemilihan bahasa yang dipilih semasa bertutur dengan bapa dan ibu ialah Bahasa Hokkien (BH) dan Dialek Melayu Terengganu (DMT). Sebanyak 13 orang responden memilih BH semasa berkomunikasi dengan ibu dan bapa tidak kira dalam situasi yang formal ataupun tidak formal. Selain itu, terdapat dua orang responden yang memilih BM (Bahasa Mandarin) sebagai bahasa komunikasi dengan ibu bapa dan kedua-dua responden ini tergolong dalam kalangan generasi muda. Berdasarkan pemerhatian turut serta, didapati bahawa golongan yang lebih muda masih lagi boleh bertutur dan memahami BH namun begitu mereka cenderung untuk memilih BM kerana penggunaannya lebih dominan dalam kehidupan mereka.

Bagi kategori pemilihan bahasa responden dengan pasangan, sebanyak lapan orang responden yang sudah berkahwin memilih BH sebagai bahasa pertuturan, diikuti oleh lima responden memilih Dialek Melayu Terengganu (DMT) dan sebanyak

lima responden juga memilih gabungan DMT+BH dalam pertuturan harian domain kekeluargaan ini. Walaupun DMT masih lagi dipilih sebagai bahasa pertuturan harian, penggunaan BH nyata lebih dominan dalam kalangan pasangan berkahwin. Hal ini demikian kerana, pemilihan bahasa responden dipengaruhi faktor etnik dan juga warisan bahasa yang ingin dikekalkan. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian turut serta, kajian mendapati bahawa gabungan BH + BM (bahasa Mandarin) turut dipilih oleh dua orang responden berkahwin. Pemilihan BH + BM (bahasa Mandarin) ini dipengaruhi tempat tinggal dan juga latar belakang pendidikan mereka. Berdasarkan temu bual, didapati bahawa responden telah berhijrah dan menetap di Kuala Lumpur, iaitu penggunaan BM lebih banyak di gunakan di kawasan bandar tersebut. Selain itu, mereka juga bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kelainan Cina (SJKC) yang mewajibkan pembelajaran dan penggunaan BM. Oleh itu, mereka cenderung untuk memilih gabungan BH+BM dalam komunikasi keluarga. Pemilihan gabungan ini juga disebabkan penguasaan terhadap BH adalah tidak sebaik BM, maka agak sukar bagi mereka menggunakan BH sahaja sebagai bahasa perantaraan responden dan pasangan.

Penggunaan bahasa lain seperti bahasa Melayu Standard (BMS) dan bahasa Inggeris (BI) adalah sangat minimum atau langsung tidak digunakan

dalam domain kekeluargaan lingkungan pertama. Misalnya, tidak ada responden yang memilih BMS atau sebagai bahasa komunikasi tunggal dengan bapa, ibu atau pasangan. Hanya seorang responden dalam kategori komunikasi dengan anak yang menggunakan gabungan BMS+BI disebabkan pengaruh latar tempat tinggal anak yang tidak lagi dikelilingi penutur BH, DMT dan BM sebaliknya dikelilingi oleh ramai penutur BMS dan BI. Hal ini menunjukkan bahawa BMS dan BI berkemungkinan lebih dominan digunakan

dalam domain awam seperti pendidikan, pekerjaan atau media tetapi tidak dominan dalam interaksi kekeluargaan harian. Terdapat juga penggunaan bahasa Mandarin (BM) secara terhad dalam komunikasi dengan ibu dan bapa, iaitu oleh 2 orang responden terdiri daripada golongan generasi muda yang bersekolah di SJKC. Gabungan BH+BM dan BM+BI juga menunjukkan kewujudan minoriti dwibahasa lain dalam pemilihan bahasa domain kekeluargaan lingkungan kedua ini.

### LINGKUNGAN KEDUA KEKELUARGAAN

JADUAL 3. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Kedua

Bahasa	Domain Kekeluargaan Peringkat Kedua			
	Adik-beradik	Datuk	Nenek	Mentua
BH	12	12	12	9
BMS	0	0	0	0
DMT	0	0	0	0
BI	0	0	0	0
BM	4	0	0	0
DMT+BH	5	3	3	3
BH+BM	4	4	4	0
DMT+BI	0	0	0	0
BMS+BI	0	0	0	0
BM+BI	4	0	0	0

Jadual 3 memaparkan pemilihan bahasa yang digunakan oleh responden dalam interaksi kekeluargaan lingkungan kedua yang merangkumi komunikasi dengan ahli keluarga seperti adik-beradik, datuk, nenek dan mentua. Berdasarkan data dalam jadual, dapat diperhatikan bahawa bahasa Hokkien (BH) merupakan bahasa yang paling dominan digunakan dalam keempat-empat kategori ahli keluarga tersebut. Sebanyak 12 responden memilih BH semasa bertutur dengan adik-beradik, datuk, dan nenek, manakala sembilan orang responden menggunakan BH ketika berkomunikasi dengan mentua. Hal ini demikian kerana, sebilangan responden terdiri dalam kalangan generasi tua yang masih kuat mempertahankan bahasa warisan berbanding bahasa lain, maka mereka tidak mempunyai penguasaan yang baik dalam bahasa

lain. Oleh itu, medium bahasa yang wajar digunakan hanyalah BH sahaja. Keputusan pemilihan bahasa ini menunjukkan bahawa BH merupakan bahasa warisan yang masih memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi antara generasi dan juga dalam kalangan ahli keluarga terdekat.

Kedudukan BH sebagai bahasa utama dalam domain kekeluargaan lingkungan kedua ini turut disokong dengan penggunaan gabungan BH dengan bahasa lain. Sebagai contoh, gabungan DMT+BH telah digunakan oleh lima responden semasa berkomunikasi dengan adik-beradik, tiga responden dengan datuk dan nenek, serta tiga responden juga dengan mentua. Hasil kutipan data ini menunjukkan kewujudan amalan dwibahasa dalam keluarga, terutamanya dalam kalangan responden yang mungkin mempunyai latar belakang etnik bercampur

atau yang ingin mengekalkan penggunaan lebih daripada satu bahasa warisan. Pengaruh DMT+BH juga terjadi disebabkan pengaruh kawasan setempat yang dikelilingi golongan Melayu yang menggunakan DMT sebagai medium komunikasi. Oleh itu, penggunaan DMT secara tidak langsung dicampur dengan BH kerana DMT sudah sebatian dengan responden. Pemilihan bahasa gabungan ini memberi isyarat bahawa walaupun BH kekal dominan, DMT masih lagi hidup dalam kalangan responden dan memainkan peranan penting dalam komunikasi kekeluargaan.

Di samping itu, gabungan BH+BM juga digunakan oleh empat responden dalam perbualan dengan adik-beradik dan mentua. Penggunaan gabungan BH+BM dalam komunikasi menunjukkan bahawa terdapat kumpulan responden yang memilih untuk menggunakan kedua-dua BH dan BM sebagai medium komunikasi dalam keluarga. Kemungkinan besar gabungan ini dipengaruhi oleh faktor pendidikan dan persekitaran tempat tinggal yang menyebabkan BM menjadi bahasa yang lebih banyak digunakan di luar rumah atau dalam urusan rasmi, namun BH tetap dikekalkan dalam interaksi kekeluargaan. Walau bagaimanapun, penggunaan BM secara tunggal hanya dapat dilihat dalam kalangan adik-beradik, dengan empat responden memilih BM untuk berkomunikasi dalam konteks tersebut. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kecil responden yang mungkin beralih kepada BM dalam interaksi sesama generasi yang lebih muda, berbanding menggunakan BH

atau DMT. Namun begitu, tiada responden yang menggunakan BM secara eksklusif untuk bercakap dengan datuk, nenek atau mentua yang mungkin menandakan jurang linguistik antara generasi.

BMS dan BI sekali lagi menunjukkan kadar penggunaan yang sangat rendah dalam domain kekeluargaan ini. Tiada responden yang menggunakan BMS atau BI secara tunggal dalam komunikasi dengan mana-mana ahli keluarga lingkungan kedua. Hanya gabungan BMS+BI digunakan oleh seorang responden dalam interaksi dengan adik-beradik, menunjukkan kewujudan minoriti yang mengamalkan penggunaan bahasa rasmi atau bahasa global dalam interaksi keluarga, mungkin kerana latar pendidikan tinggi atau pengaruh luar bandar. Secara keseluruhannya, Jadual 3 memperlihatkan bahawa BH terus menjadi bahasa warisan yang penting dalam domain kekeluargaan, diikuti oleh DMT dan BM dalam pelbagai bentuk kombinasi. Gabungan bahasa seperti DMT+BH dan BH+BM mencerminkan kepelbagaian linguistik dalam kalangan responden yang cuba mengekalkan identiti bahasa masing-masing sambil menyesuaikan diri dengan konteks keluarga dan persekitaran. Bahasa rasmi seperti BMS dan BI masih belum mendapat tempat dalam komunikasi kekeluargaan, sebaliknya lebih dominan dalam domain awam seperti pendidikan dan pekerjaan. Maka, jelaslah bahawa bahasa warisan kekal relevan dan memainkan peranan penting dalam mengekalkan jalinan kekeluargaan antara generasi.

### LINGKUNGAN KETIGA KEKELUARGAAN

JADUAL 4. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Ketiga

Bahasa	Domain Kekeluargaan Peringkat Ketiga					
	Ibu/Bapa Saudara	Anak Saudara	Ipar-Duai	Menantu	Datuk/Nenek Mentua	Moyang
BH	10	12	7	6	10	12
BMS	0	0	0	0	0	0
DMT	0	0	0	0	0	0
BI	0	0	0	0	0	0
BM	4	3	0	0	4	0
DMT+BH	12	12	0	4	0	0
BH+BM	4	0	0	0	4	0
DMT+BI	0	0	0	0	0	0
BMS+BI	0	0	0	0	0	0
BM+BI	4	0	0	0	0	0

Jadual 4 memperincikan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kekeluargaan lingkungan ketiga yang meliputi interaksi dengan ibu atau bapa saudara, anak saudara, ipar-duai, menantu, datuk atau nenek mentua dan moyang. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam lingkungan kekeluargaan ini masih dikuasai oleh BH dan gabungan DMT dengan BH (DMT+BH). Di samping itu, hasil dapatan juga memperlihatkan kesinambungan dominasi bahasa warisan yang telah dikenal pasti dalam lingkungan kekeluargaan pertama dan kedua. BH kekal sebagai bahasa utama dalam kalangan responden, khususnya dalam interaksi dengan anak saudara (12 responden), ibu atau bapa saudara (10 responden), dan moyang (12 responden). Ini menunjukkan bahawa BH terus diperturunkan dan digunakan secara meluas merentas generasi serta dalam pelbagai kategori kekeluargaan. Walaupun jumlah penggunaan BH menurun dalam kategori ipar-duai (tujuh responden) dan menantu (enam responden), kehadirannya masih signifikan dan mencerminkan peranan BH sebagai medium komunikasi kekeluargaan yang kukuh.

Sementara itu, gabungan DMT+BH memperlihatkan kadar penggunaan yang seimbang dengan BH dalam beberapa kategori. Sebagai contoh, 12 responden masing-masing menggunakan gabungan DMT+BH untuk berinteraksi dengan ibu/bapa saudara dan anak saudara. Gabungan DMT+BH ini juga digunakan oleh enam responden dalam interaksi dengan menantu dan empat responden masing-masing dalam komunikasi dengan datuk/nenek mentua serta moyang. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun DMT tidak digunakan secara tunggal, dialek tersebut tetap memainkan peranan penting dalam identiti linguistik responden apabila digabungkan dengan BH. Fenomena ini juga menunjukkan kecenderungan komuniti untuk mengekalkan kedua-dua bahasa warisan melalui penggunaan dwibahasa dalam interaksi harian.

BM pula digunakan oleh segelintir responden, terutamanya dalam interaksi dengan ibu atau bapa saudara (empat responden) dan anak saudara (tiga responden). Penggunaan BM secara tunggal menunjukkan wujudnya peralihan bahasa dalam kalangan generasi yang lebih muda, namun ia tidak menggugat dominasi BH atau gabungannya dengan DMT. Penggunaan BM mungkin berkaitan dengan latar pendidikan responden, iaitu BM lebih banyak

digunakan dalam institusi formal, namun BH dan DMT tetap dominan dalam konteks kekeluargaan. Gabungan BH+BM dan BM+BI turut direkodkan, masing-masing dengan empat responden menggunakan BH+BM dalam interaksi dengan ibu/bapa saudara dan menantu, serta empat responden menggunakan BM+BI dalam kategori yang sama. Dapatan ini memperlihatkan bahawa wujudnya lapisan minoriti dwibahasa dan tribahasa dalam komuniti, iaitu individu menggabungkan bahasa warisan dengan bahasa formal atau bahasa global. Walaupun penggunaan BMS dan BI sebagai bahasa tunggal tidak direkodkan langsung, kehadiran mereka dalam bentuk gabungan mencerminkan fleksibiliti linguistik responden dalam menyesuaikan diri dengan konteks dan latar komunikasi.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengukuhkan penemuan sebelumnya bahawa BH dan DMT, sama ada secara tunggal atau gabungan, kekal sebagai tunjang komunikasi dalam domain kekeluargaan. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam penggunaan BM dan kombinasi bahasa lain, bahasa warisan masih mendominasi interaksi kekeluargaan, menandakan kekuatan akar budaya dan identiti linguistik dalam komuniti yang dikaji. Dominasi ini mencerminkan usaha komuniti dalam mengekalkan kesinambungan bahasa warisan meskipun wujud tekanan daripada bahasa standard dan bahasa global.

#### FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA PERANAKAN TIROK

Bahagian ini membincangkan analisis terhadap sepuluh item dalam Jadual 5 yang meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan di Tirok. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam kalangan mereka tidak berlaku secara rawak, sebaliknya dipengaruhi oleh tiga faktor utama, iaitu faktor sosial, faktor situasi, serta faktor pengaruh luar dan dalaman. Setiap faktor memainkan peranan tersendiri dalam menentukan bahasa yang digunakan dalam pelbagai konteks komunikasi, sama ada di rumah, dalam interaksi sosial mahupun dalam situasi rasmi, mencerminkan keseimbangan antara warisan budaya dan keperluan praktikal komunikasi harian.

JADUAL 5. Faktor Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Tirok

Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
<b>Faktor Sosial</b>					
1. Identiti etnik keluarga				2	13
2. Perbezaan tahap penguasaan bahasa mengikut generasi				2	13
3. Menerapkan nilai dan budaya keluarga					15
4. Menanamkan bahasa warisan kepada generasi muda				3	12
<b>Faktor Situasi</b>					
1. Kefasihan dan keselesaan					15
2. Berbeza mengikut fungsi komunikasi					15
3. Konteks situasi					15
4. Mengelakkan kekeliruan komunikasi					15
<b>Faktor Luaran dan Dalaman</b>					
1. Pengaruh atau tekanan daripada masyarakat atau sekolah	10			5	
2. Rasa motivasi peribadi				3	12

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bagi kategori faktor sosial, majoriti responden sangat bersetuju dengan kepentingan mengekalkan identiti etnik melalui bahasa sebanyak 13 responden serta menyedari adanya perbezaan tahap penguasaan bahasa antara generasi 13 responden. Di samping itu, kesemua 15 responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pemilihan bahasa berkait rapat dengan usaha menerapkan nilai serta budaya keluarga. Selain itu, 12 responden sangat bersetuju bahawa bahasa warisan wajar diwariskan kepada generasi muda. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, malah berfungsi sebagai saluran utama dalam pewarisan budaya dan identiti etnik dalam komuniti Cina Peranakan.

Seterusnya, bagi kategori faktor situasi, terdapat empat soalan yang menunjukkan pengaruh besar fungsi dan konteks terhadap pemilihan bahasa. Faktor fungsi dan konteks ini merujuk kepada bagaimana bahasa digunakan bergantung kepada tujuan komunikasi, kejelasan mesej, serta kesesuaian konteks perbualan. Dalam kajian ini, empat item berkaitan faktor ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi, iaitu semua responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh kefasihan bertutur, fungsi komunikasi, konteks situasi, dan usaha mengelakkan kekeliruan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina Peranakan di Tirok bersifat pragmatik dalam berbahasa kerana mereka akan menggunakan bahasa yang paling sesuai untuk memastikan mesej

dapat difahami dengan jelas oleh penerima. Sebagai contoh, dalam interaksi rasmi atau antara generasi, mereka mungkin memilih bahasa yang lebih umum difahami seperti bahasa Melayu atau Mandarin, manakala dalam lingkungan keluarga rapat, mereka mungkin lebih selesa menggunakan dialek warisan. Justeru, pemilihan bahasa dalam kalangan mereka adalah bersifat fleksibel dan strategik, bergantung kepada siapa, untuk apa dan di mana komunikasi berlaku.

Faktor ketiga merangkumi pengaruh luaran dan dalaman, iaitu tekanan daripada masyarakat atau institusi seperti sekolah, serta motivasi dalaman individu. Berdasarkan dapatan, pengaruh luaran tidak begitu signifikan, dengan 10 responden sangat tidak bersetuju bahawa tekanan luar mempengaruhi pemilihan bahasa. Sebaliknya, motivasi peribadi menerima persetujuan tinggi, menunjukkan bahawa individu memilih bahasa berdasarkan kesedaran sendiri, minat dan keinginan untuk mengekalkan bahasa warisan. Ini membuktikan bahawa masyarakat Cina Peranakan lebih terdorong oleh nilai dan prinsip individu berbanding tekanan atau kehendak persekitaran luar, dalam menentukan pilihan bahasa harian mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Cina Peranakan di Tirok, Kuala Terengganu mengekalkan penggunaan

Bahasa Hokkien (BH) sebagai bahasa dominan dalam interaksi kekeluargaan, merentas ketiga-tiga lingkungan kekeluargaan iaitu ibu bapa-anak, adik-beradik-nenek-datuk, dan moyang-pakcik-makcik-anak saudara. Selain BH, terdapat juga penggunaan Dialek Melayu Terengganu (DMT) dan Bahasa Mandarin (BM) dalam bentuk gabungan, namun kadar penggunaannya lebih rendah berbanding BH. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat ini berpegang teguh kepada bahasa warisan sebagai simbol identiti etnik dan saluran untuk mengekalkan nilai serta budaya keluarga.

Tiga faktor utama yang mempengaruhi pemilihan bahasa telah dikenalpasti, iaitu faktor sosial, faktor situasi, serta faktor luaran dan dalaman. Faktor sosial merangkumi keinginan mengekalkan identiti etnik, perbezaan tahap penguasaan bahasa antara generasi, dan usaha menanamkan bahasa warisan kepada generasi muda. Kesemua item dalam kategori ini menerima tahap persetujuan yang tinggi daripada responden, menunjukkan bahawa nilai warisan budaya memainkan peranan penting dalam menentukan bahasa pertuturan keluarga.

Faktor situasi pula melibatkan kefasihan, fungsi komunikasi, konteks interaksi serta usaha mengelakkan kekeliruan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Cina Peranakan bersikap pragmatik dalam memilih bahasa berdasarkan situasi dan kejelasan komunikasi. Bahasa digunakan secara strategik. Sebagai contoh, dalam konteks rasmi atau ketika berkomunikasi dengan generasi muda, mereka cenderung menggunakan BM, manakala dalam konteks kekeluargaan rapat, BH lebih dominan. Ini membuktikan fleksibiliti dan kebijaksanaan linguistik dalam kalangan responden.

Faktor ketiga, iaitu pengaruh luaran dan dalaman, memperlihatkan bahawa tekanan daripada institusi luar seperti masyarakat atau sekolah tidak begitu signifikan dalam menentukan pilihan bahasa. Sebaliknya, motivasi peribadi dan kesedaran sendiri lebih mempengaruhi pemilihan bahasa, sebagaimana ditunjukkan melalui persetujuan tinggi terhadap item berkaitan motivasi individu. Hal ini mencerminkan bahawa komuniti Cina Peranakan Tirok membuat pilihan bahasa secara bebas berdasarkan keperluan dan nilai peribadi, bukan semata-mata menurut desakan persekitaran.

Sehubungan itu, kajian ini menyokong pandangan sarjana seperti David dan Naji (2000) yang menyatakan bahawa komuniti minoriti cenderung mengekalkan bahasa etnik dalam domain kekeluargaan meskipun berinteraksi dalam bahasa

rasmi di luar rumah. Selain itu, teori domain oleh Fishman (1992) juga relevan kerana ia menegaskan bahawa kekeluargaan ialah domain utama dalam pemindahan bahasa antara generasi. Bagi kajian akan datang, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan. Pertama, skop kajian boleh diperluas ke kawasan lain seperti Melaka, Pulau Pinang atau Sabah bagi melihat perbezaan corak pemilihan bahasa antara komuniti Peranakan di lokasi yang berlainan. Kedua, kajian longitudinal boleh dilaksanakan untuk menilai perubahan pilihan bahasa antara generasi. Ketiga, gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang lebih mendalam seperti temu bual naratif dapat membantu memahami dengan lebih holistik faktor nilai dan sikap bahasa. Keempat, kajian seterusnya juga boleh meneliti hubungan antara dasar pendidikan negara dengan kecenderungan berbahasa dalam kalangan komuniti etnik minoriti. Akhir sekali, tumpuan juga boleh diberikan kepada domain bukan kekeluargaan seperti pekerjaan dan media untuk mendapatkan gambaran lebih menyeluruh terhadap landskap linguistik komuniti Cina Peranakan.

## RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. *Penyelidikan Komunikasi: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ang Lay Hoon & Che Radiah Mezah. 2012. Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 5(2): 215–226.
- Asmah Haji Omar. 1986. *Bahasa dan pemikiran alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Burhan Murshidi Baharon et al. 2023. Pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli di Jerantut, Pahang. *Mahawangsa* 10(2): 67-82.
- Collins, J.T. 2018. Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 18(4): 61–80.
- David, M.K. & Naji, I. 2000. Do minorities have to abandon their languages? A case study of the Sindhis in Malaysia. *International Journal of the Sociology of Language* 145: 67–87.
- Ervin-Tripp, S. 1968. "An Analysis of the Interaction of Language, Topic and Listener." In: Fishman, J. (ed). *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton, 192-211. *American Anthropologist* 66: 86- 102)
- Fishman, J.A. 1972. *Domains and The Relationship Between Mico and Macrosociolinguistics*. Holt, Rinehart & Winston.
- Fishman, J.A. 1972. *The sociology of language*. Rowley, MA: Newbury House.
- Fishman, J.A. 1991. *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon: Multilingual Matters.

- Iskandar Hasan Tan Abdullah. 2022. *Asimilasi bahasa, adat dan agama*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Masyarakat.
- Nurul Atikah Marshid & Sa'adiah Ma'alip. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(2): 1–14.
- Nurul Jannah & Mohamad Suhaizi Suhaimi. 2023. Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Anak Pasangan Kahwin Campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 13(1): 47-56.
- Norasikin Ghazali, Mohammad Fazeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Pemilihan bahasa dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia. *Jurnal Akademika* 90(2): 75-89.
- Mohamad Nazri, Hanapi Dollah & Teo Kok Seong. 2011. Penghayatan tradisi lisan Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu* (8): 111-132.
- Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Muhammad Yusri Bin Yusof @ Salleh, Paiz Bin Hassan, Hamdi Rahman Bin Mohd Yaacob, Mazlah Bt Yaacob. 2012. Asimilasi budaya Melayu dalam masyarakat Cina Peranakan di Negeri Kelantan: Kajian di Kampung Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan. *The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*: 151–160.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Haryati Hasan. 2010. *Kebolehan bahasa masyarakat Cina Peranakan Kelantan*. *Jurnal Usuluddin*. 115–133. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhamad Khairul Najmi Amran, Wan Robiah Osman & Nor Fazila Ab Hamid. 2024. Pilihan bahasa dalam Domain Kekeluargaan Masyarakat Siam, Kedah. *Akademika* 94(3): 481- 497.
- Pue Giok Hun, Ong Puay Liu & Loo Hong Chuang. 2019. Kelantanese Chinese Language and Marker of Group Identity. *Journal of Language Studies* 19(2).
- Pue Giok Hun. 2015. *Perkahwinan campur dan fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. 2016. Pemilihan bahasa masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu* 15(2): 211–221.
- Riduan Makhtar, Siti Aisah Binti Zailani & Abd Ganing Laengkang. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1-10.
- Rothe, E. M., Tzuang, D., & Pumariega, A. J. 2010. Acculturation and development. *Child and Adolescent Psychiatric Clinics of North America* 19(4): 681–696.
- Sa'adiah Ma'alip. 2014. Pemilihan bahasa: proses peralihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* 12(1): 32-43.
- Sabitha Marican. 2009. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
- Saidah Binti Ismail. 2009. *Pilihan bahasa di kalangan Komuniti Bugis*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shahrul Afzan, S.A. & Abdul Halim, M. 2024. Cabaran dan Keperluan dalam Memperkasakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)* 1(1): 1–10.
- Tan Chee Beng. 2009. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Singapore: Fajar Bakti.
- Tan Chee Beng. 2010. *Intermarriage and the Chinese in Southeast Asia*. Dalam L. Suryadinata (Ed.), *Peranakan Chinese in a globalizing Southeast Asia* (28). Singapore: Chinese Heritage Centre.
- Teo Kok Seong. 2005. Persepsi masyarakat Melayu Kelantan dalam bahasa dan budaya Cina peranakan Kelantan. Dalam Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II, 22–24 Februari 2005, Hotel Prince and Residence, Kuala Lumpur.
- Teo Kok Seong. 2005. Asimilasi dialek Melayu Kelantan dan dialek Thai Kelantan dalam bahasa Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Bahasa* 5(1): 68–82.
- Zulkifli, M.A. & Abdullah, N.A. 2014. Chinese Peranakan heritage in Malaysia and Singapore: Socio-cultural diversities and identities. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu (IMAN)* 2(3): 1–12.